

Abdullah utama prinsip kerja secara muafakat

BH-5/11/2007

PM miliki pasukan setia pastikan dasar berjaya dilaksana

Oleh Zabidi Hitam, Anwar Hussin dan Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi disifatkan sebagai pemimpin yang mempunyai strategi pentadbiran cemerlang dengan berteraskan kepada konsep kerjasama, rundingan serta kerja berpasukan.

Dr Sivamurugan Pandian, dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), berkata Perdana Menteri membenarkan ahli Kabinetnya menonjol sebagai individu yang bertanggungjawab terhadap kementerian masing-masing.

Beliau berkata, pendekatan kepemimpinan Abdullah ialah beliau mahu supaya setiap daripada mereka berfungsi sebagai sebahagian daripada anggota pasukannya yang bekerja dengannya.

Sivamurugan berkata demikian dalam kertas kerja pada Seminar Kebangsaan 'Abdullah Ahmad Badawi, Tiga Tahun Di Putrajaya: Menjejak Pencapaian dan Strategi Masa Depan Negara', di sini semalam.

Seminar sehari itu dianjurkan bersama oleh USM, Yayasan Strategik

Sosial dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli).

Pensyarah antropologi dan sosiologi itu berkata, dalam mengukur pentadbiran Perdana Menteri, satu daripada pendekatan utama yang digunakan Abdullah adalah kebergantungan kepada kerjasama, rundingan dan kerja berpasukan.

"Selepas tiga tahun memimpin, ada yang melontar kritikan menyalakan Perdana Menteri tidak membuat sebarang pembaharuan sedangkan Abdullah meyakinkan rakan di Kabinet dengan kemampuan penguasaan dan gaya kepimpinannya.

"Beliau juga sentiasa menggunakan pakai prinsip permuafakatan serta perundingan untuk meminggirkan pandangan bahawa beliau hanyalah sekadar memanas kerusi Perdana Menteri satu penggal," katanya.

Sivamurugan berkata, kelebihan Abdullah adalah beliau memiliki pasukan yang setia dan sanggup berdepan asakan dari dalam dan luar serta meyakinkan rakyat bahawa perancangannya akan membuahkan hasil dalam jangka panjang.

Mengulas mengenai perbezaan pendekatan kepemimpinan Abdullah dengan bekas Perdana Menteri, Tun

Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata, ia berpunca daripada perubahan persekitaran politik dan sosial.

"Tiga elemen penting mendasari perbezaan gaya kepemimpinan Abdullah dengan Dr Mahathir ialah permuafakatan, tolak ansur dan pembabitan," katanya yang menegaskan Perdana Menteri tetap mengamalkan dasar meneruskan kesinambungan era Dr Mahathir.

Sivamurugan berkata, sukar untuk menyatakan bahawa sepanjang tiga tahun Abdullah memimpin negara, wujud perubahan drastik pada dasar sebelum ini kerana beberapa pendekatan sudah sedia kukuh tanpa perlu ditambah baik.

"(Dan ini) menyebabkan (salah persepsi sehingga) ada melihat beliau (Abdullah) sebagai lemah," katanya.

Sivamurugan berkata, gaya kepemimpinan Abdullah digunakan sebaik mungkin untuk melengkapkan 'perjuangan belum selesai' Dr Mahathir termasuk beberapa pengubahsuaian mekanisme yang digunakan untuk melaksanakan sesuatu dasar.

"Walaupun seorang yang dikenali dengan pendekatan yang lembut, Abdullah bukannya tidak mampu membuat keputusan kontroversi kerana

perlu membuktikan bahawa beliau pengganti Dr Mahathir yang secocok dengan kedudukan Malaysia hari ini," katanya.

Sivamurugan berkata, dalam melihat tiga tahun kepemimpinan Abdullah, harus diakui bahawa beliau mengambil alih satu kepemimpinan yang dikagumi kewibawaan, kebijaksanaan serta keberanian memperkasakan martabat bangsa dan negara.

"Ini bermakna apabila Abdullah mula memimpin, beliau bukan saja memikul tanggungjawab besar di Jabatan Perdana Menteri tetapi personaliti beliau juga turut diperhatikan terutama keupayaan menggunakan mandat sebagai pemimpin.

"Dalam usaha membawa pembaharuan serta perbezaan dengan kepemimpinan yang lain, Abdullah juga peka bahawa beliau perlu mempunyai satu legasi yang perlu dipertahankan," katanya.

Namun, kata Sivamurugan, gaya kepemimpinan Abdullah yang menggunakan rundingan dan permuafakatan mungkin menyebabkan konsep forum terbuka yang diamalkannya mendorong lahirnya pihak yangantang menyuarakan pandangan yang bercanggah dengan kerajaan.